KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	22.02.22	MUKA SURAT	:	13
JABATAN	:	PERHILITAN			

Patahkan cubaan seludup tenggiling

Sebanyak 1,162 ekor haiwan berkenaan berjaya diselamatkan

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI

KUALA LUMPUR

Cubaan penjenayah hidupan liar memperdagangkan 1,162 ekor tenggiling sejak tahun 2014 hingga tahun lalu berjaya dipatahkan pihak berkuasa.

Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), Datuk Abdul Kadir Abu Hashim berkata, tidak dinafikan terdapat individu yang cuba mengimport spesies hidupan liar terancam itu dari luar negara selain dipasarkan di pasaran gelap dalam negara.

Menurut beliau, Perhilitan juga mengesan individu atau sindiket yang cuba menyeludup sisik tenggiling.

"Ini terbukti selepas tindakan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Kastam) yang berjaya merampas 9,843.65 kilogram (kg) sisik tenggiling bagi tempoh tiga tahun sejak tahun 2018.

"Nilai harga bagi seekor tenggiling dianggarkan mencecah AS$1,000 (RM4,186) manakala dagingnya AS$300 (RM1,255.80) per kg," katanya kepada *Sinar Harian* di sini pada Isnin.

Jelas beliau, selain tenggiling, beberapa spesies lain seperti gajah, tapir, rusa sambar, kambing gurun, harimau belang dan seladang juga dilaporkan kian terancam akibat pemburuan haram dan faktor-faktor lain.

Menurutnya, pihaknya akan meneruskan penguatkuasaan untuk membanteras sebarang bentuk jenayah hidupan liar dan mempertahankan spesies hidupan liar di Malaysia daripada terus menjadi mangsa pemburuan dan ancaman kepupusan.



ABDUL KADIR

"Masyarakat diminta menyalurkan maklumat jika ada mengesan pembabitan mana-mana pihak dalam kegiatan membabitkan pemburuan haram," katanya.

Beliau berkata, Perhilitan tidak akan berhenti dalam usaha membenteras penjenayah hidupan liar berkenaan.

"Ia menjadi satu amaran yang jelas kepada mana-mana individu yang ingin terus menjalankan aktiviti pemburuan haram hidupan liar agar dapat menghentikan aktiviti terbabit atau bakal berhadapan dengan tindakan undang-undang tegas daripada pihak kerajaan," tegas Abdul Kadir.



Antara tenggiling yang dirampas Perhilitan dalam tempoh 2014 hingga tahun lalu.

Hari Tenggiling Sedunia Tahun 2022 (World Pangolin Day) disambut pada 19 Februari lalu bertujuan meningkatkan tahap kesedaran orang ramai dalam memelihara dan melindungi spesies haiwan berkenaan yang kian diancam kepupusan.